

**SOALAN NO.: 181**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]**

**SOALAN :**

**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membantu pekebun-pekebun getah di kawasan P.181 Tenom.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kawasan Parlimen Tenom, Sabah mempunyai tanaman getah seluas 7,145.24 hektar atau 6.9% daripada keseluruhan kawasan getah pemilikan oleh pekebun kecil di Sabah. Tanaman getah di kawasan ini diusahakan oleh seramai 1,961 orang pekebun kecil.

Bagi meningkatkan taraf hidup pekebun kecil getah di Sabah, termasuk di kawasan Parlimen Tenom, bantuan-bantuan yang telah disediakan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) adalah:

- i. Pelaksanaan projek *Low Intensity Tapping System* (LITS) dari tahun 2010 sehingga November 2011 bagi Kg Kalamatoi, Kg Ulu Molosog dan Kg Kalibatang. Projek ini melibatkan seramai 56 orang pekebun kecil dengan kawasan getah seluas 158 hektar dan kos sebanyak RM421,439.00. Peserta dibekalkan dengan bantuan teknologi rangsangan gas, set alat kutipan dan input pertanian. Di samping itu juga, kursus pengurusan ladang dan kawalan penyakit serta kursus peningkatan hasil ladang telah diadakan untuk mendedahkan pekebun kecil dengan teknologi terkini; dan

- ii. Pelaksanaan Projek Perluasan Teknologi Huluan di Sabah pada tahun 2014 yang menekankan konsep GAP. Bagi kawasan Parlimen Tenom sahaja, peserta yang terlibat adalah seramai 29 orang pekebun kecil dengan keluasan 29 hektar serta peruntukan sebanyak RM18,473.00.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada tahun 2015, sebanyak RM20,023.00 telah diperuntukkan bagi membekalkan pekebun kecil getah dengan baja dan racun serta latihan. Bantuan ini akan disalurkan ke Kg. Sugiang Lama, Kg Gumisi Ulu, Kg Gumisi Laut dan Kuala Tomani. Selain itu, seramai 29 orang peserta di Parlimen Tenom telah diberi latihan penyediaan tapak semaiian dan cantuman pada tahun 2014 supaya boleh menghasilkan benih klon getah berkualiti secara sendiri.

Sekian, terima kasih.